



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**POLA POLITIK CINA DI SEMENANJUNG MALAYSIA DALAM TAHUN
1990-an**

LOW YONG SAN

FEM 2000 11

**POLA POLITIK CINA DI SEMENANJUNG MALAYSIA DALAM TAHUN
1990-an**

Oleh

LOW YONG SAN

**Tesis ini Disediakan bagi Memenuhi Keperluan untuk Ijazah
Master Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Oktober 2000



Untuk Atuk,
mending Chong Tak @ Chong Seng Tak,
yang gigih berjuang bersama Parti Rakyat Malaya (PRM) dan
Barisan Sosialis (BS), sekalipun tergadai segala-galanya....



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**POLA POLITIK CINA DI SEMENANJUNG MALAYSIA DALAM TAHUN
1990-an**

Oleh

LOW YONG SAN

Oktober 2000

Pengerusi: Profesor Madya Jayum A. Jawan, Ph.D.

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti perubahan pola politik Cina di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1990-an. Ia juga bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan matlamat perjuangan politik Cina serta pendekatan-pendekatannya dalam memperjuangkan matlamat tersebut. Dengan menggunakan gabungan pendekatan politik dan sejarah, analisis dibuat ke atas peristiwa-peristiwa penting yang memberi kesan ke atas perkembangan politik Cina sebelum perang dunia kedua sehingga tahun 1990-an. Selain itu, keputusan pilihan raya umum 1990, 1995 dan 1999 juga dianalisis untuk memahami pola pengundian Cina dalam dekad 1990-an. Kajian ini dijalankan berdasarkan sumber sekunder yang diterbitkan dan juga data-data daripada Suruhanjaya Pilihan Raya. Hasil kajian menunjukkan bahawa pola politik Cina telah mengalami beberapa fasa perubahan dari tempoh sebelum perang sehingga akhir tahun 1990-an. Didapati bahawa sebelum dan semasa perang dunia kedua (1900-1945), pola politik Cina adalah bercirikan *China-centred*, di mana penyertaan politik mereka adalah menerusi parti-



parti politik yang masih berpaksikan negara China. Selepas perang, pola politik Cina mula beralih kepada bentuk *Malaya-centred* di mana beberapa parti Cina telah ditubuhkan untuk memperjuangkan kepentingan mereka di Malaya (1945-1957). Bagaimanapun, selepas Malaya mencapai kemerdekaan, iaitu sepanjang zaman pemerintahan Perikatan (1957-1970), pola politik Cina berubah pula kepada bentuk *confrontation-dominated* yang memperlihatkan kebangkitan parti-parti pembangkang Cina yang tidak berpuas hati dengan prestasi MCA dalam kerajaan. Ini diikuti dengan pola politik Cina yang dicirikan dengan *cyclical swing* sepanjang tempoh pelaksanaan DEB (1970-1990), iaitu sokongan masyarakat Cina silih berganti diberikan kepada kerajaan dan pembangkang yang disebabkan oleh ketidakmampuan parti politik Cina sama ada parti komponen kerajaan mahupun pembangkang memperjuangkan kepentingan mereka. Pada tahun 1990-an, pola politik Cina pula dicirikan dengan bentuk *compromise-dominated* yang memperlihatkan kerjasama diwujudkan antara semua parti Cina dengan parti-parti etnik lain terutamanya pada akhir tahun 1990-an. Perubahan pola tersebut berlaku kerana kaum Cina terpaksa tunduk kepada realiti politik Malaysia, iaitu dominasi dan ketuanan politik Melayu serta kegagalan pendekatan konfrontasi dalam memperjuangkan kepentingan mereka. Bagaimanapun, perubahan pola politik tersebut menunjukkan politik Cina lebih stabil dan dinamik berbanding dengan dekad-dekad lepas. Ini adalah kerana politik kompromi Cina dapat memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan konflik dan ketegangan antara kaum. Sementara itu, pembentukan sistem dua barisan (BN dan BA) membolehkan kaum Cina memainkan peranan yang lebih signifikan sebagai faktor penentu dalam pilihan raya. Hasil Kajian juga menunjukkan bahawa identifikasi parti tidak ketara dalam

masyarakat Cina, sebaliknya faktor isu semasa lebih memainkan peranan dalam menentukan pilihan mereka dalam pilihan raya. Isu-isu tersebut pula adalah berkait rapat dengan matlamat perjuangan mereka yang cenderung mengekalkan identiti keCinaan mereka seperti budaya, bahasa dan kepercayaan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

CHINESE POLITICAL PATTERN OF PENINSULA MALAYSIA IN 1990s

By

LOW YONG SAN

October 2000

Chairman: Associate Professor Jayum A. Jawan, Ph.D.

Faculty: Human Ecology

This study seeks to identify the changes of Chinese political pattern in Peninsular Malaysia in 1990s. It also attempts to identify the factors affecting the formation of Chinese political goals and the approaches employed in achieving their goals. A combination of political and historical approach is used for the analysis of this study. Important events occurred before the second world war until 1990s, which impacted the Chinese political development are analysed. Besides that, the results of 1990, 1995 and 1999 general elections are analysed in order to understand the voting pattern of Chinese during 1990s. This study is based on published secondary materials and documents as well as the data drawn from Election Commission. The results of the study indicate that Chinese political pattern has gone through a few phases of changes before Second World War until 1990s. The results suggest that, Chinese political pattern is characterised by *China-centred* before and during the Second World War (1900-1945), where the political participation of the Chinese is mainly focused on China-based political parties. After world war (1945-1957), the Chinese political pattern gradually changes to *Malaya-centred* where some Chinese



political parties were formed to fight for their interests in Malaya. During the period of Perikatan's reign after independence of Malaya (1957-1970), the Chinese political pattern changes into *confrontation-dominated*. This is signified by the resurgence of Chinese-based opposition parties due to poor performance of MCA in government. It is subsequently followed with the *cyclical swing* of Chinese political pattern where the volatile voting pattern, supporting the government and the opposition alternately in general elections is observed throughout the period of New Economics Policy (1970-1990). The *cyclical swing* phenomenon is a result of incompetence of Chinese political parties, both in government and oppositions in delivering the goods. In 1990s, the Chinese political pattern is however characterised by *compromise-dominated* with the establishment of political ties between all Chinese-based political parties with others ethnic parties, especially in the late 1990s. The changes indicate that the Chinese have succumb to the reality of Malaysian politics, that is the domination and supremacy of Malay politics, as well as the failure of confrontational approach. Nevertheless, this changes also shows the transformation of Chinese politics into becoming more stable and dynamic ground compared with its previous patterns a few decades ago. This is owing to the compromise politics observed of Chinese politics in 1990s, which plays an important role in alleviating the tensions and conflicts between different ethnic groups. Furthermore, the formation of two coalitions system (BN and BA) enables the Chinese to play a more significant role as a determinant factor in general elections. The results of this study also indicate that the party identification is not obviously observed among the Chinese voters. On the other hand, the factor of issues plays a more important role in affecting their choices in general elections. The issues are closely related to their

goal, which is to preserve and prosper their Chinese identity through the unfettered practice of their cultures, language and customs.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin memohon ampun daripada kedua-dua ibu bapa saya kerana tidak dapat menjalankan tanggung jawab sebagai anak dengan sempurna sepanjang masa saya mengikuti program Master di UPM selama dua tahun. Saya amat terharu dengan kasih sayang, sokongan dan galakan yang diberikan oleh mereka tidak kira apa jua bidang yang saya ceburi selama ini. Budi dan jasa tak terhingga mereka akan saya kenang buat selama-lamanya. Terima kasih diucapkan kepada kakak, Soo Chyong, Soo Mee, dan adik, Yong Lam yang sentiasa mengenang budi dan jasa kedua-dua ibu bapa, terutamanya ibu yang tersayang dan tercinta.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya, Prof. Madya Dr. Jayum Anak Jawan; Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Dr. Mohammad Agus Yusoff dari Universiti Kebangsaan Malaysia, dan En. Mohd Bohari Ahmad. Saya amat menghargai kesabaran dan keprihatinan mereka dalam memberikan bimbingan, nasihat, bantuan, galakan serta tunjuk ajar yang tidak ternilai kepada saya sepanjang masa saya menjalankan projek ini. Pendek kata, saya banyak berhutang budi kepada mereka.

Melalui kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB. Dato' Seri Ong Ka Ting atas inspirasi baru yang diberikan kepada saya tentang politik, terutamanya politik Cina yang menjadi dorongan bagi saya untuk mendalami lagi bidang tersebut. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada En.

Wee Jeck Seng, Setiausaha Politik kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas nasihat dan galakan beliau yang memberi kesedaran kepada saya ketika saya dilamuni masalah peribadi di tengah-tengah proses penyediaan projek ini.

Kepada sahabat karib saya, Chung Weng yang jauh berada di Kedah, terima kasih atas nasihat dan galakan yang diberikan terutamanya semasa saya dilandai pelbagai masalah dan krisis; kepada Kuan Loung, terima kasih atas bantuan yang dihulurkan dengan membenarkan saya menggunakan kemudahan komputernya yang canggih pada 'saat-saat kritikal' serta kesanggupannya meluangkan masa berkongsi pengalaman suka dan duka di gerai mamak bertujuan membebaskan ketegangan yang berpunca daripada proses penyediaan projek ini.

Akhir sekali, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua badan kerajaan, badan bukan kerajaan, parti-parti politik serta orang perseorangan yang pernah memberi bantuan dan kerjasama kepada saya sama ada secara langsung atau tidak langsung ke arah menjayakan projek ini. Terima kasih.

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains.

KAMIS AWANG, Ph. D.
Profesor Madya
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	2
ABSTRAK	3
ABSTRACT	6
PENGHARGAAN	9
LEMBARAN PENGESAHAN	11
PENYATA KEASLIAN	13
SENARAI JADUAL	17
SENARAI RAJAH	19
SENARAI SINGKATAN NAMA	20
BAB	
I PENDAHULUAN	23
Latar Belakang	23
Pernyataan Masalah	26
Objektif Kajian	30
Skop dan Kepentingan Kajian	31
Kerangka Kajian	32
Diskusi Konsep Dalam Kajian Politik Malaysia	39
Masyarakat Majmuk	39
Parti Politik	43
Identifikasi Parti	51
Nota Metodologi	55
Organisasi Kajian	57
II ULASAN KAJIAN LEPAS	60
Pola dan Sistem Politik Malaysia	60
Kajian Lepas Politik Cina	70
Rumusan	78
III SEJARAH POLITIK CINA SEBELUM TAHUN 1990-an	81
Sejarah Awal Cina Malaysia	82
Penghijrahan dan Pola Pengelompokan	82
Organisasi Masyarakat Cina	84
Politik Cina Sebelum dan Semasa Perang (1900-1945)	89
Politik KMT dan PKM	89
Politik Baba Cina dan Kepimpinan Tan Cheng Lock	92
Politik Cina Selepas Perang (1945-1957)	95
Pemberontakan Bersenjata PKM	95
Aktiviti Politik Pemimpin Konservatif Cina	98



	Malayan Chinese Association (MCA)	100
	Kerjasama Awal Antara Kaum dan Politik Perikatan Perjanjian Merdeka Perikatan dan Laporan Suruhanjaya Reid	103 109
	Perlembagaan Kemerdekaan Malaya	112
	Parti Buruh (PB) dan Parti Progresif Perak (PPP)	115
Politik Cina	Zaman Perikatan (1957-1970)	119
	Kemerosotan Politik MCA	119
	Kebangkitan Parti-parti Pembangkang Berasaskan Cina	127
	Pilihan Raya Umum 1969 dan Peristiwa 13 Mei	133
Politik Cina	Dalam Era DEB (1970-1990)	139
	Langkah-langkah Pemulihan Selepas Peristiwa 13 Mei	139
	Kemerosotan Politik Cina, 1970-1990	144
	Pola Pengundian <i>Cyclical Swing</i> , 1974-1986	155
	Rumusan	161
IV	POLITIK CINA AWAL TAHUN 1990-an (1990-1995)	166
	Latar Belakang Politik Sistem Dua Barisan	167
	DEB dan Kesannya Terhadap Masyarakat Cina	167
	Perpecahan UMNO, 1987 dan Pembentukan Semangat 46	175
	Masyarakat Cina dalam Politik Sistem Dua Barisan	182
	Pembentukan Barisan Pembangkang	189
	Pilihan Raya Umum 1990: Percubaan Awal Sistem Dua Barisan	193
	Latar Belakang dan Kempen Pilihan Raya Umum 1990	193
	Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum 1990	204
	Faktor Yang Mempengaruhi Pola Pengundian Cina	211
Politik Cina	Selepas Pilihan Raya Umum 1990	216
	Dasar Liberalisasi Kerajaan dan Kesannya Ke Atas Politik Cina	216
	Usaha-usaha Pemulihan MCA Selepas Pilihan Raya Umum 1990	225
	Kedudukan DAP dalam Barisan Pembangkang	228
	Rumusan	233
V	POLITIK CINA AKHIR TAHUN 1990-an (1995-1999)	236
	Pilihan Raya Umum 1995: Dominasi Politik Kompromi	237
	Latar Belakang dan Kempen	237
	Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum 1995	242
	Faktor Yang Mempengaruhi Pola Pengundian Cina dan Implikasinya	249
	Perkembangan Politik Cina Selepas Pilihan Raya Umum 1995	255
	Krisis Ekonomi 1997 dan Pemecatan Anwar Ibrahim	256
	Reaksi Masyarakat Sivil dan Pembentukan Barisan Alternatif (BA)	262
	Kesan Kes Anwar Ke Atas Politik Cina	265
	Pilihan Raya Umum 1999: Pengukuhan Politik Kompromi	271
	Latar Belakang dan Kempen	271



	Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum 1999	278
	Faktor Yang Mempengaruhi Pola Pengundian Cina Serta Implikasinya	287
	Rumusan	293
VI	KESIMPULAN	298
	Perubahan Pola Politik Cina, 1900-1999	298
	Implikasi Pola <i>Compromise-dominated</i> Terhadap Politik Cina	316
	BIBLIOGRAFI	320
	BIODATA PENULIS	334



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Bilangan Kerusi Parlimen dan Peratusan Undi Sah Perikatan dan Pembangkang, 1959-1969	135
3.2	Nisbah Bilangan Kerusi Parlimen Dimenangi/Ditandingi Mengikut Parti, 1959-1964	137
3.3	Bilangan Kerusi Parlimen MCA, Gerakan dan DAP, 1959-1986	161
4.1	Peratusan Pemilikan Ekuiti Syarikat Berhad, 1970 dan 1990	171
4.2	Peratusan Pola Pekerjaan Mengikut Sektor dan Etnik, 1970 dan 1990	172
4.3	Peratusan Profesional Berdaftar Mengikut Etnik, 1970 dan 1990	172
4.4	Peratusan Kes Kemiskinan, Sasaran dan Pencapaiannya di Semenanjung Malaysia, 1970 dan 1990	173
4.5	Keputusan Pemilihan Parti UMNO 1987	179
4.6	Keadaan Pertandingan dalam Pilihan Raya Umum 1990	194
4.7	Kedudukan Kerusi Parlimen dan DUN Mengikut Parti, 1990	205
4.8	Jumlah Kerusi Parlimen Dimenangi oleh BN dan Peratusan Undi Sah Mengikut Parti, 1990	205
4.9	Keputusan Calon Parlimen MCA Mengikut Peratusan Etnik Pengundi, 1990	207
4.10	Keputusan Calon Parlimen Gerakan Mengikut Peratusan Etnik Pengundi, 1990	208
4.11	Keputusan Calon Parlimen DAP Mengikut Peratusan etnik Pengundi, 1990	210
5.1	Bilangan Kerusi Parlimen dan DUN Dimenangi Mengikut Parti, 1995	243
5.2	Keputusan Pilihan Raya Kawasan Parlimen Calon MCA Mengikut Peratusan Etnik, 1995	245



5.3	Keputusan Pilihan Raya Kawasan Parlimen Calon Gerakan Mengikut Peratusan Etnik, 1995	246
5.4	Keputusan Pilihan Raya Kawasan Parlimen Calon DAP Mengikut Peratusan Etnik, 1995	248
5.5	Kedudukan Bilangan Kerusi Parlimen dan DUN, 1995 dan 1999	279
5.6	Keputusan Pilihan Raya Kawasan Parlimen Calon MCA Mengikut Peratusan Etnik, 1999	282
5.7	Keputusan Pilihan Raya Kawasan Parlimen Calon Gerakan Mengikut Peratusan Etnik, 1999	284
5.8	Keputusan Pilihan Raya Kawasan Parlimen Calon DAP Mengikut Peratusan Etnik, 1999	286

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Sejarah Perkembangan Politik Cina di Semenanjung Malaysia	36
1.2	Kerangka Kajian	38

SENARAI SINGKATAN NAMA

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AMCJA	All-Malayan Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
ASNB	Amanah Saham Nasional Berhad
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BN	Barisan Nasional
BS	Barisan Sosialis
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
CCC	Chinese Chambers of Commerce
CCC	Chinese Consultative Council
CIC	Capital Issues Committee
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DTC	Deposit-taking Co-operatives
DUN	Dewan Undangan Negeri
FIC	Foreign Investment Committee
Gagasan	Gagasan Rakyat
Gagasan	Gagasan Demokrasi Rakyat
Gerak	Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
ICA	Industrial Co-ordination Act 1976
IMF	International Monetary Fund
IMP	Independence of Malaya Party (Parti Kemerdekaan Malaya)
IPF	All Malaysia Indian Progressive Front
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ISA	Internal Security Act
Keadilan	Parti Keadilan Nasional
KEPP	Koperasi Emas Pulau Pinang Berhad
KMT	Kuomintang (China)
KMTM	Kuomintang Malaya
Kojadi	Koperasi Jayadiri (M) Berhad
Komuda	Koperasi Pembangunan Ekonomi Pemuda (M) Berhad
Korakyat	Koperasi Rakyat Berhad
Kosatu	Koperasi Belia Bersatu Berhad
LDP	Liberal Democratic Party
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAS	Malaysia Airlines System



MCA	Malaysian Chinese Association (dikenali sebagai Malayan Chinese Association sebelum tahun 1963)
MDU	Malayan Democratic Union
MGLU	Malayan General Labour Union
MIC	Malaysia Indian Congress (dikenali sebagai Malayan Indian Congress sebelum tahun 1963)
MISC	Malaysia International Shipping Corporation
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MPEN	Majlis Perundingan Ekonomi Negara
MPHB	Multi-Purpose Holdings Berhad
MSC	Malaysian Solidarity Convention
MSP	Malaysian Solidarity Party
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
MU	Malayan Union
Nasma	Parti Nasionalis Malaysia
NCRC	National Civil Rights Committee of the Chinese Guilds and Association
NOC	National Operations Council
OSA	Official Secret Act
PAP	People's Action Party
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PERNAS	Perbadanan Nasional
Pesaka	Parti Pesaka Anak Sarawak
Petronas	Petroleum Nasional
PB	Parti Buruh
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBDS	Parti Bangsa Dayak Sarawak
PBS	Parti Bersatu Sabah
PKC	Parti Komunis China
PKEN	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Partai Kebangsaan Melayu Malaya
PPP	People's Progressive Party (dikenali sebagai Perak Progressive Party sebelum tahun 1956)
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
RM6	Rancangan Malaysia Keenam
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
S46	Semangat 46
SAPP	Sabah Progressive Party
SCA	Sarawak Chinese Association



SCBA	Straits Chinese British Association
SDP	Socialist Democratic Party
Sepadu	Koperasi Sepadu Berhad
SNAP	Sarawak National Party
SPR	Suruhanjaya Pilihanraya
SUPP	Sarawak United People's Parti
UCSCAM	United Chinese School Committee Association of Malaysia
UCSTAM	United Chinese School Teachers Association of Malaysia
UDA	Urban Development Authority
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malays National Organization
UPE	Unit Perancang Ekonomi
UPM	Universiti Putra Malaysia
USNO	United Sabah National Organization
Wanijaya	Koperasi Wanijaya Berhad



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963 hasil pergabungan empat wilayah iaitu Semenanjung Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura¹ Sebelum ini, Malaya yang terdiri daripada sembilan buah negeri Melayu dan dua negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang telah mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Sementara itu, Sabah dan Sarawak adalah dua buah negeri naungan British yang masing-masingnya ditadbirkan oleh Syarikat Borneo Utara British dan keluarga Brooke.

Malaysia adalah sebuah negara berbilang etnik yang terdiri daripada tiga kelompok etnik utama iaitu Melayu yang juga diiktirafkan sebagai golongan Bumiputera, Cina dan India. Kemajmukan ini nyata semasa Malaya menuntut kemerdekaan dan juga semasa cadangan penubuhan Persekutuan Malaysia. Namun begitu, demografi politik berdasarkan negeri adalah berbeza sedikit khususnya di Sabah dan Sarawak di mana golongan etnik yang diiktirafkan sebagai Bumiputera dan terbanyak adalah bukan Melayu. Di Sabah, kelompok Bumiputera

¹ Singapura, sebuah negara naungan British, bagaimanapun telah berpisah dari Persekutuan pada Ogos 1965 Untuk perbincangan lanjut tentang sebab-sebab pemisahan ini, lihat Parmer, J N (1966) *Malaysia 1965 Challenging the Terms of 1957* Asian Survey, Vol 6, No 2, hlm 111-118; Mohamed Noordin Sopiee (1974) *From Malayan Union to Singapore Separation Political Unification in the Malaysia Region 1945-65* Kuala Lumpur Penerbitan Universiti Malaya, Milne, R S (1966) *Singapore's Exit from Malaysia The Consequences of Ambiguity* Asian Survey, Vol 6, No 3



Kadazandusun adalah etnik majoriti sementara di Sarawak etnik Bumiputera Dayak merupakan penduduk terbanyak. Demografi politik ini penting kerana corak politik Malaysia dipengaruhi oleh faktor etniksiti walaupun sesetengah sarjana Malaysia cuba melihat pergolakan politik dari sudut lain seperti kelas.²

Berdasarkan faktor etniksiti, corak politik negara dapat dikelompokkan berdasarkan pengaruh dan kepentingan sesuatu etnik. Pertama, pada umumnya politik negara adalah politik berlandaskan politik Bumiputera Melayu. Ini adalah suatu hakikat kerana Bumiputera Melayu adalah etnik majoriti negara ini. Kedua, Bumiputera Melayu bukanlah etnik majoriti di semua negeri di Malaysia. Misalnya, di Pulau Pinang etnik Cina adalah golongan majoriti. Di Sabah, etnik Kadazandusun adalah etnik majoriti, dan di Sarawak etnik Dayak adalah penduduk terbanyak. Di sesetengah negeri Melayu seperti Kelantan dan Terengganu, Bumiputera Melayu adalah penduduk majoriti yang melebihi 80% daripada jumlah penduduk di negeri-negeri tersebut. Di negeri-negeri yang telah disenaraikan, corak politik adalah berbeza sedikit dari arus politik perdana.

Ketiga, politik etnik sama ada Bumiputera Melayu, Kadazandusun, atau Dayak dan juga Cina mahupun India adalah memperjuangkan kepentingan etnik

² Sarjana politik yang buat kajian dari sudut etnik dalam analisis perubahan politik di Malaysia menekankan krisis antara etnik sebagai fokus dan faktor utama berlakunya pergolakan. Sementara itu, kajian politik dari sudut kelas lebih cenderung melihat krisis antara etnik adalah berpunca daripada perbezaan kelas sosial atau ekonomi serta penguasaan dan manipulasi elit-elit kapitalis pemerintah dalam isu-isu perkauman. Antara kajian dari sudut etnik termasuklah Ho (1988), Jayum (1991, 1993), Mauzy (1983), Means (1986, 1991), Milne (1981), Rabushka (1973), Ratnam (1965), dan Zakaria (1988). Manakala sarjana yang mengkaji dari sudut kelas atau elit termasuklah Case (1996), Hua (1983), Jomo (1986), dan Lim (1980).